

KECENDERUNGAN PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH BANDAR DAN LUAR BANDAR DI KELANTAN

Noor Athirah Sukri

Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Suppiah Nachiappan

Fakulti Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Corresponding Author's Email: noorathirah91@yahoo.com

Article history:

Received : 31 October 2021

Accepted : 10 November 2021

Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya, cara-cara mengatasi masalah pemilihan kerjaya dan peranan pihak sekolah untuk membantu pemilihan kerjaya bagi pelajar Tingkatan Empat Aliran Sains bagi kawasan bandar dan luar bandar di Negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan soal selidik soalan jenis terbuka kepada 15 orang pelajar di kawasan bandar dan 15 orang pelajar di kawasan luar bandar. Kaedah temu bual bersama seorang guru kaunselor dari sekolah menengah bandar dan luar bandar turut digunakan. Data yang diperoleh dalam kajian ini, kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah Hermeneutik untuk mendalami pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian mendapati faktor minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan kerjaya berbanding faktor peluang pekerjaan, dorongan keluarga, ganjaran dan lain-lain. Kajian yang diperoleh juga menunjukkan bahawa pelajar berusaha untuk menjadi pelajar yang tekun, merujuk kaunselor, melayari internet, percaya diri sebagai cara mereka mengatasi masalah pemilihan kerjaya. Hasil temu bual bersama gurukaunselor pula mendapati bahawa pelbagai inisiatif program atau aktiviti telah dilakukan oleh pihak sekolah sebagai bimbingan dan pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah tentang bidang kerjaya. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan kerjaya adalah suatu proses yang kompleks dan pelajar perlu membuat keputusan dan persediaan sebelum memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan pendedahan awal kepada pelajar sekolah menengah dalam pemilihan kerjaya dengan mengetahui kelebihan dan cabaran bekerja dalam sesuatu bidang kerjaya tertentu.

Kata kunci: Pemilihan Kerjaya, Sekolah Menengah, Aliran Sains, Hermeneutik

CAREER CHOICE TENDENCIES AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN URBAN AND RURAL AREAS OF KELANTAN

ABSTRACT

The aim of this study is to identify the factors that influence career choice, and the ways to overcome problems regarding career choice. Indeed, schools have a vital role to help Form Four Science Stream students, especially from urban and rural areas in Kelantan, in choosing the right career. This study adopted the qualitative method using open ended questionnaire to 15 students in urban and 15 students in rural areas. An interview method with a counsellor urban and rural secondary school was also used. The data obtained from this study were analyzed using Hermeneutic Method in order to acquire a deeper knowledge on career choices among students. The results of the study found that the factor of interest is the main factor that influences students in career choice compared to the factors of job opportunities, family encouragement, rewards and others. Studies have also shown that students strive to be diligent students, refer to counsellors, surf the internet, self-confidence as their way of overcoming career choice problems. The results derived from the interviews with counsellor teachers revealed that various program initiatives or activities have been taken by the school as guidance and early exposure to secondary school students about career fields. In conclusion, this study shows that career choices is a complex process and students need to make decisions and preparations before entering the real world of work. The implications of this study are expected to provide early exposure to high school students in career selection by knowing the advantages and challenges of working in a particular career field.

Keywords: *Career Choice, Secondary School, Science Stream, Hermeneutic*

PENGENALAN

Perubahan teknologi telah memberikan impak besar terhadap kehidupan manusia, terutamanya dalam pendidikan, kerjaya, sosial dan bimbingan peribadi. Malaysia kini ke arah pembangunan negara maju dan memerlukan modal insan sebagai pemangkin utama bagi mentadbir dan memimpin negara. Namun, masih ramai golongan anak muda yang menganggur walaupun mereka sudah beberapa tahun menamatkan pengajian di sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi (IPT).

Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia Tahun 2017 menyatakan bahawa kes pengangguran belia dalam lingkungan usia 15 tahun hingga 24 tahun adalah seramai 283,400 orang, iaitu sebanyak 10.8 peratus (Kementerian Sumber Manusia, 2018). Terdapat pelajar sekolah dalam lingkungan umur ini menjadi salah satu punca kes pengangguran belia ini dianggap kritikal. Hal ini disokong dengan kenyataan Super (1990) yang menyatakan bahawa remaja yang berumur 15 hingga 24 tahun dikategorikan sebagai peringkat umur penerokaan kerjaya. Menurut Mohamed Sharif dan Roslee (2010), pada peringkat inilah pelajar berusaha mendapatkan sebanyak mungkin maklumat kerjaya, meneroka jenis-jenis di bidang kerjaya, membuat kerja sambil dan mula menilai kemampuan diri terhadap bidang kerjaya.

Menurut Zairoslawanee (2014), kerjaya menunjukkan status, sosioekonomi dan pendapatan serta taraf hidup individu. Setiap manusia diciptakan unik dan berbeza. Apabila ciri keperibadian ditekankan dalam pemilihan kerjaya, maka seharusnya personaliti telah terbentuk sebelum seseorang itu mula membuat pemilihan. Pembelajaran boleh mempengaruhi pembentukan personaliti kerjaya seterusnya membawa kepada pemilihan kerjaya yang merupakan satu aspek penting bagi individu dalam peringkat remaja (Nursyafiqah, Mohd Fahridzakki & Abu Yazid, 2018). Menurut Sabariah Haron (2013), pemilihan kerjaya yang dibuat di peringkat remaja ini akan sedikit sebanyak mempengaruhi corak kerjaya yang diceburinya apabila dewasa dan akan menentukan peranan yang dimainkan nanti dalam masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Adanya masalah pemilihan kerjaya pelajar berhubung kait dengan kehilangan hak untuk memilih mata pelajaran atau aliran akademik yang diminati di sekolah (Farizah, 2008; Azizi & Fariza, 2008). Hal ini kerana pemilihan mata pelajaran telah ditentukan oleh pengurusan pihak sekolah mengikut aliran elektif akademik yang diikuti di sekolah. Tidak adil bagi pelajar yang personalitinya tidak seiring dengan pembelajarannya sehingga memberikan kesan buruk kepada pelajar seperti ponteng kelas akibat tidak berminat dengan subjek (Sabariah, 2013).


Keperluan terhadap bidang Sains untuk menghadapi Revolusi Perindustrian 4.0 memerlukan usaha dalam menggalakkan para pelajar memasuki bidang STEM dan seterusnya memilih bidang STEM dalam pekerjaan (Heilbronner, 2011). Bagaimanapun, persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik yang menganggap subjek tersebut adalah subjek yang sukar menyebabkan pelajar tidak memilih aliran Sains pada peringkat menengah atas dan peringkat pengajian tinggi (Amirah, Shahlan, Kartini & Noraina Ayu, 2019; Phang, Mohd Salleh, Mohammad Bilal & Salmiza, 2010).

Faktor pemasalahan pemilihan kerjaya adalah berkenaan dengan minat kerjaya dan jugaberkait dengan personaliti individu. Menurut Nur Farhana (2016), kekeliruan dan ketidakjelasan dalam memilih kerjaya yang sesuai kebiasaannya disebabkan oleh faktor minat yang pelbagai, minat yang tidak jelas dan faktor persekitaran. Masalah ini berlaku kerana kebanyakan pelajar masih kabur dalam membuat pemilihan dunia pekerjaan yang ingin diceburi (Mohamad Hashim & Sharifah Amnah, 2006). Adapun masalah pemilihan kerjaya yang ditentukan oleh kemahuan ibu bapa atau ahli keluarga disebabkan oleh kecacatan pengetahuan pelajar mengenai bidang pengajian atau kerjaya (Suhaila, Nor Ayuni, Nor Suhaily & Nuzul Akhtar, 2015).

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.
- ii. Menganalisis cara-cara mengatasi masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.
- iii. Menilai peranan pihak sekolah dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di Kelantan.

Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diubah suai dari Zairoslawanee, 2014

TINJAUAN LITERATUR

Pencapaian yang tinggi bakal terhasil apabila individu berminat dalam sesuatu perkara yang dipelajari (Fatin Nor Amirah & Ishak, 2019). Kajian oleh Noor Erma dan Kwan Eu (2014), menunjukkan bahawa sikap dan minat pelajar serta strategi pengajaran guru menunjukkan hubungan positif dengan pencapaian pelajar. Namun, berbeza pula dengan kajian oleh Mohd Noor Badlilshah, Mohd Mustamam dan Nurulhuda (2016), bahawa sikap bukan peramal penting terhadap pencapaian. Menurut kajian Syahida dan Mohd Hazwan (2018) terhadap bidang pertanian, faktor diri sendiri menjadi faktor penting dalam pembentukan minat di mana untuk mendapatkan minat, diri perlu dipaksa terlebih dahulu sebelum minat itu datang.

Remaja mendapat sokongan keluarga dari segi perancangan kerjaya, pengetahuan sendiri dan orang lain, pemilihan kerjaya yang ingin diceburi serta peralihan dari peringkat sekolah kepada bidang kerjaya (Alliman-Brissett, Turner & Skovholt, 2004). Faktor ini ditegaskan lagi oleh kajian Khairani (2012) bahawa ibu bapa yang bekerja boleh mempengaruhi secara langsung anak-anak mereka untuk memilih bidang kerjaya yang sama. Trump (2006) dalam bukunya *Trump 101: The Way to Success*, menyatakan bahawa minatnya dalam dunia usahawan bermula sejak dari kecil lagi apabila didedahkan oleh bapanya dengan perniagaan keluarga.

Pendedahan kerjaya adalah sesuatu yang amat berharga bermula dari sekolah rendah sehinggalah tamat sekolah menengah terutama bagi pelajar yang menghadapi masalah kekeliruan dalam pemilihan kerjaya. Perkara ini selari dengan pendapat Robert dan Marianne (2006) yang menyatakan bahawa kebanyakan sekolah mengadakan program kerjaya untuk memberikan pendedahan mengenai kerjaya untuk meningkatkan persediaan pelajar dalam pemilihan kerjaya. Begitu juga dengan kajian Koivisto, Vinokur dan Vouri (2011), pelajar dikehendaki mengikuti bengkel selama seminggu untuk meningkatkan persediaan pelajar dalam merancang dan memilih kerjaya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis Hermeneutik sebagai metodologi bagi menginterpretasi soal selidik dan transkripsi temu bual responden. Hermeneutik merupakan salah satu bentuk dalam pendekatan kualitatif (Bloomberg & Volpe, 2012). Suppiah (2016) menjelaskan Hermeneutik didefinisikan sebagai proses menginterpretasi teks, iaitu mencari makna dalam perkataan yang ditulis. Secara ringkasnya, Hermeneutik merupakan salah satu kaedah yang membantu penyelidik untuk mentafsir dan menjelaskan maksud yang tersirat atau terselindung di sebalik sesuatu penulisan yang dibaca, misalnya melalui teks soal selidik.

Melalui kaedah Hermeneutik, kesemua data soal selidik pelajar dan temu bual guru diperoleh dan dijadikan sebagai bahan analisis yang disebut sebagai teks. Seterusnya, penyelidik akan merungkai dan mencari makna daripada teks asal yang dicipta oleh responden kajian menjadi metateks. Metateks ialah hasil daripada interpretasi soal selidik dan temu bual responden kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*Purposive Sampling*) yang memilih seramai 15 orang pelajar Tingkatan Empat di daerah Kota Bharu, Kelantan dan 15 orang pelajar Tingkatan Empat di daerah Bachok, Kelantan yang belajar di aliran Sains sebagai sampel kajian kerana kebanyakan pelajar Tingkatan Empat bukan kelas yang terlibat dengan peperiksaan penting. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ke atas mereka tidak akan mengganggu proses pembelajaran dan persiapan untuk peperiksaan SPM. Tambahan lagi, pelajar Tingkatan Empat ini dikategorikan sebagai peringkat penerokaan kerjaya di mana, pada peringkat inilah, pelajar akan berusaha sedaya mungkin untuk mendapatkan maklumat kerjaya dan meneroka pelbagai bidang-bidang kerjaya.

Sampel kajian turut memilih seorang guru kaunselor dari setiap sekolah menengah yang terlibat dan memiliki pengalaman kerja 10 tahun ke atas. Guru kaunselor merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam proses mengenal pasti pemilihan kerjaya pelajar sekolah dan juga seorang yang cukup berpengalaman dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

HASIL KAJIAN

Hasil dapatan yang diperoleh mendapati bahawa faktor minat adalah faktor dominan yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar di mana responden mempunyai minat dan keinginan yang tinggi untuk melibatkan diri dalam bidang pekerjaan yang dipilih. Seramai 13 orang responden di kawasan bandar manakala seramai 8 orang responden di kawasan luar bandar menyatakan bahawa faktor minat adalah faktor utama yang mempengaruhi kebanyakan pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di bandar dan di luar bandar di Kelantan.

Selain itu, faktor aspek peluang pekerjaan yang baik dan jaminan kerja didapati menjadi penyumbang kedua yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar iaitu seramai 4 orang responden berbanding di kawasan luar bandar 5 orang responden memilih faktor keluarga sebagai faktor kedua terpenting dalam pemilihan kerjaya mereka. Latar belakang keluarga seperti pekerjaan ibu bapa telah mendorong responden memilih bidang kerjaya yang sama seperti ibu bapa mereka.

Faktor persekitaran turut dilihat sebagai faktor pendorong dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan luar bandar iaitu seramai 4 orang responden berbanding di kawasan bandar yang mencatatkan jumlah yang lebih rendah.

Hasil dapatan kajian turut menunjukkan seramai 7 orang pelajar sekolah menengah Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan 9 orang pelajar di kawasan luar bandar mengambil inisiatif yang hampir sama dalam mengatasi masalah pemilihan kerjaya yang dihadapi dengan cara menjadi seorang pelajar yang tekun dan berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran demi memperoleh keputusan yang

cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini demikian kerana responden menyedari bahawa keputusan yang cemerlang dapat mempengaruhi pemilihan kerjaya yang ingin diceburi oleh pelajar sekiranya dapat memenuhi syarat kelayakan akademik dalam bidang kerjaya yang diminati.

Selain itu, seramai 6 orang pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar mengatasi masalah kerjaya yang dihadapi dengan menggunakan kemudahan internet dengan melayari laman sesawang pekerjaan untuk mengumpul maklumat kerjaya yang mereka inginkan berbanding dengan pendekatan yang digunakan oleh 4 orang pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan luar bandar yang lebih menggunakan cara dengan mendekati guru kaunselor untuk mendapatkan nasihat dalam mengatasi masalah kerjaya yang mereka hadapi. Hal ini pelajar akan menunjukkan minat yang lebih tinggi dalam bidang kerjaya sekiranya mereka memperoleh maklumat yang menepati minat dan ciri-ciri yang dimiliki pada diri mereka.

Seterusnya, sikap percaya pada potensi diri juga merupakan salah satu cara dalam mengatasi masalah kerjaya di mana dapatan kajian menunjukkan jumlah responden yang tinggi dicatatkan di kawasan luar bandar iaitu seramai 2 orang berbanding di kawasan bandar yang menunjukkan jumlah responden yang lebih rendah. Hal ini menunjukkan bahawa sikap percaya pada diri dapat mendorong pelajar untuk berusaha keras demi mencapai cita-cita kerjaya yang diminati dengan mengetahui setiap kelemahan dan kelebihan diri masing-masing.

Berdasarkan hasil dapatan temu bual guru mengenai peranan pihak sekolah dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar mendapati bahawa pihak sekolah sentiasa bergerak aktif dalam membantu pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains di kawasan bandar dan di luar bandar di mana pihak sekolah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah Kelab Bimbingan Kerjaya untuk membantu para pelajar menerokai kumpulan pekerjaan di bidang Sains yang terdapat di sekeliling mereka. Melalui penubuhan kelab ini, pelajar diberikan maklumat serta pengetahuan secara langsung yang berkaitan dengan kerjaya sehingga dapat membantu pelajar mengenali dan memahami dirinya serta membina hubungan sendiri dengan bidang pekerjaan yang dipilih.

Pihak sekolah di kawasan bandar berperanan membantu pelajar dengan mengadakan bengkel menulis resume sebagai persiapan membuat permohonan pekerjaan dengan cara yang betul dan berkesan. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza dengan peranan yang dilakukan oleh pihak sekolah di kawasan luar bandar di mana pihak sekolah menganjurkan Hari Kerjaya di peringkat sekolah bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran pelajar mengenai bidang kerjaya yang boleh mereka ceburi. Menurut responden kajian di kawasan luar bandar, penganjuran Hari Kerjaya adalah sebagai satu inisiatif pihak sekolah untuk memperkembangkan kematangan pelajar dalam pemilihan kerjaya. Pihak sekolah mengadakan ceramah atau taklimat dengan menjemput penuntut institut pengajian tinggi (IPT) untuk hadir ke sekolah untuk membuat pameran atau taklimat mengenai jurusan Sains yang dipelajari serta bidang kerjaya yang sesuai.

Penyelidik turut mendapati bahawa setiap sekolah juga mengadakan satu ujian psikometrik seperti Inventori Minat Kerjaya (IMK) dan Inventori Tret Personaliti (ITP) digunakan oleh kaunselor sekolah di kawasan bandar dan di luar bandar bagi menentukan arah matlamat pelajar di bidang kerjaya yang benar-benar sesuai dengan personaliti, minat, nilai dan kebolehan diri yang dimiliki. Namun, pihak sekolah di kawasan bandar menambahbaik maklumat kerjaya pelajar mereka dengan menggunakan perisian lain untuk mengukur minat kerjaya pelajar yang dibangunkan oleh penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang dikenali sebagai Sistem Sokongan Pemetaan Kerjaya. Sistem ini digunakan untuk membantu para pelajar memeta ke arah kursus pengajian yang bersesuaian di IPT untuk pemilihan kerjaya mereka.

Dapatan kajian turut mendapati bahawa pihak sekolah di kawasan luar bandar juga membantu dalam pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan Empat aliran Sains dengan mengadakan aktiviti lawatan ke pameran atau karnival kerjaya yang dianjurkan oleh KPM pada setiap tahun. Hal ini memberikan peluang kepada para pelajar untuk mencari dan mengumpul maklumat berkaitan dengan bidang kerjaya yang mereka minati di mana terdapat beberapa *booth* agensi pekerjaan yang dibuka untuk memberikan maklumat kerjaya setelah mereka tamat belajar nanti. Namun, hal ini berbeza pula dengan inisiatif yang diambil oleh pihak sekolah di kawasan bandar di mana pelajar dibawa melawat ke tempat kerja dan berpeluang menemubual sendiri individu-individu yang terlibat dengan kerjaya di bidang Sains di samping dapat

berpeluang menemubual sendiri individu-individu yang terlibat dengan kerjaya di bidang Sains di samping dapat memerhatikan aktiviti-aktiviti di bidang pekerjaan tersebut.

KESIMPULAN

Pemilihan kerjaya dilihat sebagai satu medium penting dalam kehidupan pelajar sekolah di mana mereka perlu menjadi bijak membuat keputusan, merancang supaya kerjaya yang dipilih dapat memberikan kepuasan kerja dan menjamin masa depan. Justeru, kajian ini merupakan usaha kecil dalam menyumbang maklumat kepada pihak sekolah dalam mengesan dan mengenal pasti kecenderungan minat dan kemahiran pelajar terhadap sesuatu bidang pekerjaan. Para guru khususnya guru kaunselor juga dapat memahami minat kerjaya dan personaliti yang paling dominan di kalangan pelajar dan seterusnya memberikan bimbingan dan galakan kepada pelajar untuk mendekati diri dengan bidang kerjaya yang diminati. Kajian ini juga dapat menjadi panduan ibu bapa dalam membentuk minat kerjaya anak-anak melalui dorongan, galakan tanpa mengetepikan kehendak dan minat kerjaya anak-anak. Dorongan ibu bapa penting dalam memilih bidang kerjaya supaya pemilihan kerjaya yang dibuat oleh anak-anak adalah tepat. Pelajar dapat mengenal diri dan mengetahui minat diri masing-masing melalui maklumat tambahan yang disediakan. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pelajar membuat keputusan dalam memilih aliran pembelajaran di sekolah dan seterusnya menentukan bidang kerjaya mereka. Seperti yang telah diketahui, pemilihan kerjaya yang dibuat di peringkat sekolah ini sedikit sebanyak dapat menentukan corak kerjaya yang bakal diceburi oleh pelajar apabila tamat persekolahan.

RUJUKAN

- Amirah Abdol Rahaman, Shahlan Surat, Kartini Zainal Abidin, Noraina Ayu Roslan. (2019). Sikap Terhadap Kerjaya Stem Di Sekolah Menengah Luar Bandar Sarawak. *International Conference of Research and Education for Educators (ICREE)*. 7-11.
- Annette E. Alliman-Brissett, Sherri L. Turner & Thomas M. Skovholt. (2004). Parent Support and African American Adolescents' Career Self-Efficacy. *Professional School Counselling*, 7(3), 124-132.
- Azizi Yahaya & Fariza Kassim. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelajar Tingkatan Empat Memilih Aliran Kejuruteraan Letrik Dan Elteronik Sebagai Pembentuk Awal Kerjaya Di Sekolah Menengah Teknik Di Tawau, Sabah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. (Artikel yang Tidak Diterbitkan). Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn. (Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan).
- Bloomberg, L. D., & Volpe, M. (2012). *Completing Your Qualitative Dissertation: A Road Map from Beginning to End* (2nd Ed.). Thousand Oaks: SAGE Publication, Inc.
- Components of Career Preparation. *The Career Development Quarterly*, 59(4), 345-366.
- Farizah Kassim. (2008). *Faktor Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik di Sekolah Menengah Teknik Bahagian Tawau*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. (Laporan Projek yang Tidak Diterbitkan).
- Fatin Noor Amirah Mamat & Ishak Abd Rahman. (2019). Faktor Pemilihan Pekerjaan Dalam Kalangan Prasiswazah: Kajian Di Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina UKM. *Journal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-18.
- Heilbronner. (2011). Stepping onto the STEM pathway: Factors Affecting Talented Students Declaration on STEM Major in College. *Journal for the Education of the Gifted*, 34, 876-899.
- Koivisto, P., Vinokur, A. D., & Vuori, J. (2011). Effects of Career Choice Intervention on Components of Career Preparation. *The Career Development Quarterly*, 59(4), 345-366.
- Kementerian Sumber Manusia. (2018). Diperoleh dari https://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatik1_2019/mobile/index.html.

- Mohamad Hashim & Sharifah Amnah. (2006). Kepadanan Personaliti Individu, Persekitaran Kerja Dan Hubungan Dengan Kepuasan Kerja. *Kertas Kerja Seminar Unit Penasihat Dan Pembangunan Pelajar*. Minden: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Noor Badlilshah Abdul Kadir, Mohd Mustamam Abdul Karim & Nurulhuda Abd Rahman. (2016). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Fizik Dan Hubungan Dengan Pencapaian Dalam Kalangan Pelajar Sains. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 23-38.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap Dan Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Nur Farhana Mat Nawi. (2016). *Ramalan Prestasi Kerja Pelajar Berdasarkan AQ dan Minat Kerjaya*.
- Nursyafiqah Norazhar, Mohd Fahriddzakki Abd Rahman & Abu Yazid Abu Bakar. (2018). Minat Kerjaya dan Tret Personaliti Dalam Kalangan Murid Tingkatan Satu Berbeza Jantina: Satu Kajian Kes. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)*, 1-5.
- Phang, F. A., Mohamad Salleh Abu, Mohammad Bilal Ali & Salmiza Salleh. (2010). *Faktor Penyumbang Kepada Kemosrotan Penyertaan Pelajar Dalam Aliran Sains: Satu Sorotan Tesis*. Fakulti Pendidikan UTM. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Robert L. G., & Marianne H. M. (2006). *Introduction to Career Counseling For The 21st Century*.
- Sabariah Haron. (2013). *Mengukur Hubungan Minat Kerjaya Dengan Jantina Dan Aliran Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Menengah Daerah Johor Bharu*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. (Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan).
- Siti Khairani Mat Aris. (2012). *Alihan Kerjaya Pekerja Bidang Teknikal Kepada Bidang Pendidikan Dalam Kalangan Pengajar MTUN*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn. (Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan).
- Statistik Pekerjaan & Perburuhan Siri 19 Bil. 1/2019. *Tenaga Buruh, Penganggur Dan Kadar Pengangguran Belia (15-24 Tahun) Mengikut Jantina*, Malaysia, 2010-2017. Putrajaya:
- Suhaila Nadzri, Noor Ayuni Rosli, Nor Suhaily Bakar & Nuzul Akhtar Baharudin. (2015). Faktor Keluarga, Ganjaran Dan Kesukaran Memperolehi Pekerjaan Mempengaruhi Kerjaya Yang Diceburi Alumni Kuis. *Proceeding Of The 2nd International Conference On Management and Muamalah*. 321-334.
- Super, D. E. (1990). *A Life-Space, Life Space Approach to Career Development*. In D. Brown, L. Brooks & Associates (Eds). *Career Choice and Development: Applying Contemporary Theories to Practice* (2nd Ed.). San Francisco: Jossey-Bass Inc.
- Suppiah Nachiappan (2016). *Kaedah Hermeneutik: Kaedah Interpretasi Teks Secara Kualitatif*.
- Syahida Sidek & Mohd Hazwan Mohd Puad. (2018). Eksplorasi Minat Dan Faktor Dalam Pemilihan Kerjaya Pertanian Dalam Kalangan Belia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam (MEDC 2018)*, 1329-1336. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Trump, D. J. (2006). *Trump 101: The Way to Success*. John Willey & Sons, Inc.
- Zairoslawanee Zaib. (2014). *Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kluster di Kelantan*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan).